

11/10/2002

BN jamin penyokong PBS tidak dipinggir

KOTA KINABALU, Khamis - Barisan Nasional (BN) memberi jaminan penyokong Parti Bersatu Sabah (PBS) di Gaya tidak akan terpinggir dari arus pembangunan, jika BN berjaya mengekalkan kerusi berkenaan.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata dakwaan kononnya BN masih meragui kesetiaan mereka tidak timbul kerana setiap parti komponen akan mendapat bahagian serta hak masing-masing dan PBS tidak perlu risau mengenainya.

Beliau berkata, Umno sendiri tidak pernah berasa ragu terhadap keikhlasan PBS apabila parti itu mengambil keputusan kembali ke pangkuan BN awal tahun ini.

"Semua anggota komponen BN akan mendapat bahagian, baik dalam kerajaan, hak bersuara dan pelbagai kemudahan. Saya tak fikir rakan kita dalam PBS harus berasa curiga.

"Mereka (PBS) kini sudah menjadi sebahagian ahli keluarga besar dalam BN. Tidak timbul isu yang mereka tidak diberikan perhatian," katanya selepas menyampaikan ceramah ketika berkempen untuk calon BN, Liew Teck Chan, yang bertanding dalam pilihan raya kecil Parlimen Gaya, di Kampung Gudon, dekat sini, malam tadi.

Beliau ditanya mengenai dakwaan ada penyokong PBS berasa diri mereka masih `dianaktirikan' serta tidak diberi perhatian.

Pada pilihan raya kecil Parlimen Gaya itu, Liew dicabar calon Keadilan, Christina Liew dan calon DAP, Dr Hiew King Cheu.

Muhyiddin berkata, apa yang penting sekarang ialah semua penyokong PBS perlu memberi komitmen sepenuhnya seperti dilakukan Presiden mereka, Datuk Joseph Pairin Kitingan, dalam membantu calon BN.

"Inilah waktu terbaik untuk mereka (penyokong PBS) membuktikannya dan saya tidak ragu akan keikhlasan mereka. Soal layanan tidak seharusnya timbul kerana semua ahli keluarga BN dilayan dengan adil," katanya.

Mengenai cubaan pemimpin DAP, Lim Kit Siang, membangkitkan isu penggiliran Ketua Menteri Sabah dan menganggap tahun depan sepatutnya giliran PBS, bukannya Umno, beliau berkata:

"Pembangking sebenarnya cuba hendak memecah-belahkan kita (Umno dan PBS) sehingga sanggup menjaja modal yang tak laku. Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) sudah menjelaskan perkara itu dan tidak perlu untuk pembangking mengeksploitasinya.

"Kalangan parti komponen BN Sabah pun tidak mempersoalkan perkara itu," katanya sambil menasihatkan penyokong PBS supaya tidak melayan taktik kotor pembangking itu.

Sebelum ini juga kata Muhyiddin, DAP menentang sistem penggiliran berkenaan dan ini menampakkan mereka langsung tidak ada pendirian serta sanggup mengeksploitasi apa juga isu untuk meraih simpati pengundi.

Mengulas tindakan Keadilan yang masih melaungkan perlu suara pembangking di Sabah dan Gaya adalah peluang terbaik untuk itu, beliau berkata:

"Dulu banyak pembangking (di Sabah) tapi tak buat apa-apa pun. Lagi pun ini pilihan raya kecil, jika pengundi memilih pembangking, apa yang akan pembangking boleh buat untuk mereka?," katanya.